

SULIT



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019
Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos**

1103/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 *markah*
 (b) Bahasa - 10 *markah*

(a) **Isi** [20 *markah*]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan kebaikan/faedah/kelebihan/manfaat sungai dalam kehidupan manusia/masyarakat/rakyat.	2
Rumusan membincangkan kebaikan/faedah/kelebihan/manfaat sungai dalam kehidupan dan tanggungjawab masyarakat melestarikan keindahan sungai.	2
Petikan/Rumusan membincangkan kebaikan/faedah/kelebihan/manfaat sungai dalam kehidupan.	1
Petikan membincangkan kepentingan sungai dalam kehidupan/Rumusan membincangkan kepentingan sungai dalam kehidupan	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- | | |
|---|---|
| 1. pusat tumpuan perdagangan, sempadan negeri dan negara, serta pembentuk muka bumi | 2 |
| 2. membekalkan sumber air kepada manusia untuk kegunaan domestik | 2 |
| 3. sumber tenaga hidro/hidroelektrik | 2 |
| 4. menghasilkan tanah yang subur apabila berlakunya banjir | 2 |
| 5. sistem pengangkutan dan sistem perhubungan semula jadi manusia | 2 |
| 6. habitat haiwan akuatik yang membekalkan sumber protein yang cukup kepada manusia | 2 |
| 7. tarikan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun pelancong asing | 2 |
| 8. mewujudkan peluang pekerjaan | 2 |
| 9. menambahkan pendapatan kepada manusia | 2 |

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- | | |
|--|---|
| 1. masyarakat tidak membuang sampah/sisa domestik ke dalam sungai | 2 |
| 2. masyarakat tidak menyalurkan sisa industri ke dalam sungai | 2 |
| 3. masyarakat menyahut seruan kerajaan memelihara keindahan sungai | 2 |
| 4. masyarakat melibatkan diri secara aktif dalam menjayakan kempen cintai sungai | 2 |
| 5. masyarakat melakukan gotong-royong membersihkan sungai | 2 |
| 6. masyarakat melaporkan kejadian pencemaran sungai kepada pihak berkuasa | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak perlulah bekerjasama memelihara sungai supaya keindahan sungai sentiasa berkekalan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, masyarakat haruslah menjaga keindahan sungai supaya pencemaran alam sekitar dapat dielakkan. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, sungai haruslah dipelihara agar pencemaran alam dapat dielakkan. | 2 |
- [Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima]**

(b) **Bahasa** [10 *markah*]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	• Kesenambungan isi baik • Struktur ayat/tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	• Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum**Markah****(i) Maksud *menjejaskan kualiti***

- | | |
|-----------------------------------|---|
| - merosakkan/mengurangkan mutu | 2 |
| - menjejaskan mutu | 1 |
| - merosakkan/mengurangkan kualiti | 1 |

(ii) Kesan utama pencemaran sungai di negara kita

- P1- peningkatan kos rawatan bekalan air domestik dan industri
P2- kepupusan flora dan fauna
P3- menggugat ekosistem
P4- menggugat sumber makanan

Maksimum: 3 markah
[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Usaha-usaha JPS yang berkesan untuk menangani pencemaran sungai

- P1- mengadakan kempen "Cintailah Sungai Kita"
P2- mewajibkan pendidikan alam sekitar/pendidikan tentang kebersihan sungai pada peringkat sekolah
P3- menguatkuasakan undang-undang
P4- menghijaukan kawasan berhampiran sungai
P5- memulihara semula sungai tercemar
P6- menjadikan sungai sebagai kawasan tarikan pelancong

Maksimum: 4 markah
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**(i) Keadaan kampung setelah kehadiran Tuan Booth**

P1- jalan yang dulunya tanah merah batu lada, sudah dikejapkan	1
P2- jalan tidak becak sewaktu hujan	1
P3- jalan kurang berkeladak pada musim kemarau	1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Usaha-usaha membantu anak yatim**

- P1- memberikan bantuan kewangan
- P2- menjaga makan minum
- P3- membiayai persekolahan
- P4- meminta bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat
- P5- menyediakan tempat perlindungan

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Nilai dalam petikan**

P1 - Nilai kerajinan **[1+1]**
Orang kampung masih rajin menjalankan pertanian tradisi walaupun hasil getah Tuan Booth sangat memuaskan.

P2 - Nilai berdikari **[1+1]**
Ahmad Mutawakkil yang sudah menjadi yatim piatu hidup berdikari dan bekerja dengan Tuan Booth.

Nilai dalam keseluruhan cerpen

K1 - Nilai kasih sayang **[1+1]**
Tuan Booth amat menyayangi isteri dan anak perempuannya, Sandra. Dia membawa mereka keluar dari kampung seminggu sebelum Jepun menyerang.

K2 - Nilai patriotisme/cinta akan negara **[1+1]**
Ahmad Mutawakkil berjuang meniupkan semangat patriotik orang-orang kampung menerusi ceramah yang disampaikan/ Dia juga menulis dalam surat khabar untuk merangsang orang Melayu mengisi kemerdekaan.

K3 - Nilai keberanian [1+1]

Ahmad Mutawakkil berani bersuara dengan lantang menentang perjuangan komunis.

K4 - Nilai kerjasama [1+1]

Orang kampung bekerjasama meredah belukar dan hutan di seluruh pelosok kampung untuk mencari Ahmad Mutawakkil yang hilang.

K5 - Nilai hormat-menghormati [1+1]

Tuan Booth sekeluarga menghormati penduduk kampung yang berbangsa Melayu walaupun mereka berlainan agama, bangsa dan adat resam.

K6 - Nilai ketabahan [1+1]

Ahmad Mutawakkil tabah berdepan dengan pelbagai cabaran dalam perjuangannya menuntut kemerdekaan negara.

K7 - Nilai kebijaksanaan [1+1]

Ahmad Mutawakkil bijak mengambil peluang belajar dan menulis bahasa Inggeris daripada Sandra ketika tinggal di banglo Tuan Booth.

K8 - Nilai tanggungjawab [1+1]

Imam Ngah Deraman bertanggungjawab menjadikan Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkat setelah Ahmad Mutawakkil menjadi yatim piatu.

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) **Maksud** *mengadukan halnya.*

- melaporkan/memberitahu masalahnya

2

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Reaksi Duli Yang Dipertuan**

P1- Duli Yang Dipertuan tersenyum

P2- Duli Yang Dipertuan bersetuju dengan kata-kata/tindakan Tun Perak

P3- Baginda mengambil sirih dari puan/tepak sirih

P4- Baginda memberikan sirih kepada Tun Perak

P4- Baginda bertitah bahawa Tun Perak tidak patut tinggal di Kelang/tinggal di negeri itu

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Strategi pembesar**

P1- mewujudkan hubungan yang baik dalam kalangan pembesar

P2- menanam semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat

P3- mewujudkan pasukan keselamatan yang kuat

P4- menyediakan peralatan perang yang lengkap

P5- menjalinkan kerjasama antara negara/hubungan diplomatik

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 2 (d) : Sajak**(i) Dua harapan penyajak**

- P1- anak-anak menziarahinya/menjenguknya 1
P2- anak-anak insaf atas perbuatan mereka yang mengabaikannya 1
P3- anak-anak menjadi penawar/pengubat kedukaannya 1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Hubungan kekeluargaan perlu mengutamakan kasih sayang**

- P1- menjaga emosi ahli keluarga
P2- mengelakkan anak-anak terlibat dalam gejala sosial
P3- mengukuhkan hubungan/silaturahim
P4- membentuk keluarga yang harmoni/bahagia
P5- mengelakkan konflik keluarga
P6- memupuk sikap saling menghormati

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Dua pengajaran****P1- Kita mestilah menziarahi ibu bapa sekiranya tinggal berjauhan. (R1)**

Huraian : Penyajak mengharapkan anak-anaknya datang menziarahinya kerana dia berasa terlalu sunyi. **[1 + 1]**

P2- Kita mestilah menjaga ibu bapa ketika mereka sakit. (R2)

Huraian : Penyajak menyatakan bahawa anak-anaknya melepaskan tanggungjawab untuk menjaganya. **[1 + 1]**

P3- Kita mestilah insaf bahawa kehidupan kita hanyalah sementara dan Tuhan yang kekal abadi. (R3)

Huraian : Penyajak sedar dan insaf bahawa kehidupan ini hanya sementara dan hanya Tuhan yang kekal. **[1 + 1]**

P4- Kita mestilah mendoakan anak-anak supaya mereka sentiasa melakukan kebaikan. (R3)

Huraian : Penyajak sentiasa mendoakan anak-anaknya agar diberi keinsafan. **[1 + 1]**

[Maksimum 4 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

Soalan 3**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat tersebut.

Jawapan 3(a)

- | | | | |
|-------|-------------|---|---|
| (i) | tenang | - | <u>tenteram</u> , <u>lega</u> , lapang, aman damai, bahagia |
| | | - | <u>sejahtera</u> , <u>tabah</u> , harmoni, sentosa |
| (ii) | ketenangan | - | ketenteraman/keamanan /ketenangan hati/fikiran |
| (iii) | menenangkan | - | menenteramkan/meredakan |
| (iv) | jelas | - | nyata/terang/habis/selesai/beres |
| (v) | kejelasan | - | keadaan jelas/keterangan/ketegasan |
| (vi) | menjelaskan | - | menerangkan/menghuraikan/menyatakan dengan jelas |
| | | - | menyelesaikan/menghabiskan/menyudahkan/membereskan |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b) Gabung ayat

- (i) Bayi akan mengalami kesan yang berbeza-beza terhadap ubat **kerana** dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutama keturunan.
- (ii) Rumah ialah tempat terbaik untuk berehat **dan** menenangkan fikiran **sehingga/justeru** penghuni rumah tidak kisah membelanjakan wang asalkan rumah mereka cantik.
- (iii) Ameera tekun menyiapkan kerja kursus Sejarah **yang** telah diberikan oleh Puan Munirah.

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- | | | | |
|-------|--------------|---|-------------|
| (i) | keredhaan | - | keredaan |
| | hidupan | - | kehidupan |
| (ii) | pekej | - | pakej |
| | tarikan | - | menarik |
| (iii) | professional | - | profesional |
| | lahirkan | - | melahirkan |

[Maksimum : 6 markah]**3(d) Kesalahan istilah/kata dan tatabahasa**

- | | | | |
|-------|------------------------------------|---|---|
| (i) | kedua | - | kedua-dua |
| | klasik | - | lama/tradisional |
| (ii) | senarai barang-barang -
membuat | - | <u>senarai</u> barang (wajib ada – diuji)
menunaikan/mengerjakan |
| (iii) | kerana | - | untuk/bagi |
| | dihantar | - | dipasarkan |

[Maksimum : 6 markah]**3(e) Peribahasa**

- (i) biar mati anak jangan mati adat/hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
- (ii) enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- (iii) duduk sama rendah, berdiri sama tinggi/berdiri sama tinggi, duduk sama rendah

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah bagi **perwatakan watak utama** yang betul/tepat.
(iv) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa/huraian yang lengkap/jelas.
(v) Markah isi maksimum 4 markah (Maksimum 2 markah bagi setiap perwatakan)
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.
(x) Markah bahasa boleh lebih daripada markah isi.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk pernyataan **pengajaran tentang keprihatinan**.
(iv) Beri 2 markah bagi setiap contoh peristiwa/huraian yang lengkap/jelas untuk **pengajaran tentang keprihatinan**.
(v) Markah isi, maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap pernyataan **pengajaran tentang keprihatinan** dan contoh peristiwa/huraian yang lengkap/betul/tepat).
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4 (a) – Dua perwatakan watak utama

Novel Jendela Menghadap Jalan Lili	Novel Songket Berbenang Emas Dahlia
Watak utama seorang yang tabah Lili tabah menempuh segala dugaan dan ujian yang berlaku di Kampung Sentosa seperti masalah penduduk kampung yang berpecah-belah kerana isu kubah. Lili juga tabah ketika dia diculik oleh anak Che Jah, iaitu Rafik dan Haziq.	Watak utama seorang yang tabah Dahlia tabah menghadapi pelbagai kesusahan. Dia sanggup keluar asrama untuk menjaga adik-adiknya setelah ibunya, Saleha dirawat di Hospital Permai dan ayahnya dirawat di Hospital Batu Pahat.
Watak utama seorang yang penyayang Lili amat menyayangi ibu dan ayahnya. Lili sering kali mempertahankan maruah ibunya apabila datuknya memperkatakan sesuatu perkara kurang elok tentang ibunya.	Watak utama seorang yang penyayang Dahlia sayang akan ibu, ayah dan adik-adiknya. Dia sanggup pergi ke Hospital Permai seorang diri untuk melawat ibunya. Dahlia juga mencari ibunya yang hilang.
Watak utama seorang yang bertanggungjawab Lili menyatakan kesediaannya menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah. Lili berusaha mendapatkan bantuan daripada Puan Hamimah, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu Che Jah yang menjadi mangsa keganasan suaminya, Seman.	Watak utama seorang yang bertanggungjawab Dahlia terus terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said tanpa menghiraukan keselamatan dirinya. Dahlia juga telah menjaga Nek Kiah yang sakit walaupun Nek Kiah sering menghina Dahlia dan keluarganya kerana miskin.
Watak utama seorang yang prihatin Lili sangat prihatin dan bersimpati akan nasib malang Che Jah yang mempunyai dua orang anak yang terlibat dalam kes kecurian dan masalah penagihan dadah di samping suaminya yang bersikap panas baran.	Watak utama seorang yang bijak Dahlia sering mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Disebabkan kecemerlangan dalam peperiksaan STPM, Dahlia terpilih melanjutkan pelajaran di Jepun selama empat tahun.
Watak utama seorang yang taat kepada ibu bapa Lili begitu taat akan suruhan dan perintah ibunya apabila dia mengikut sahaja permintaan ibunya untuk pulang bercuti di kampung datuknya di Dungun, Terengganu.	Watak utama seorang yang rajin Dahlia rajin mengurus kerja-kerja rumah. Dia mengasuh adiknya Anggerik, memasak dan mengemas rumah. Ketika kerja-kerja memasak secara bergotong-royong di balai raya bersempena sambutan Maulidur Rasul, Dahlia menjadi orang terawal datang ke balai raya itu.

***[terima jawapan lain yang relevan]

Soalan 4 (b) – Satu pengajaran tentang keprihatinan

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
Kita hendaklah prihatin untuk membantu insan yang ditimpa musibah. Lili sangat prihatin akan nasib malang Che Jah dan anak-anaknya yang sering menjadi mangsa keganasan Seman. Lili telah meminta bantuan Puan Hamimah untuk membawa Seman ke muka pengadilan.	Kita hendaklah prihatin untuk membantu insan yang ditimpa musibah. Apabila Said lemas ketika mandi di dalam sungai di hadapan rumahnya, Dahlia terus terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said tanpa menghiraukan keselamatan dirinya.
Kita haruslah prihatin untuk membantu orang yang sakit. Datuk membantu sedaya upaya pesakit yang datang berubat dengannya menggunakan perubatan tradisional yang berasaskan akar-akar kayu dan daun-daun herba. Datuk merawat ibu Geetha, Lecthumi yang menghidap penyakit kencing manis.	Kita haruslah prihatin untuk membantu orang yang sakit. Dahlia sering mengambil berat akan keadaan neneknya, Nek Kiah walaupun Nek Kiah sering menghina Dahlia dan keluarganya kerana miskin. Sikap Dahlia telah menyelamatkan Nek Kiah yang keseorangan ketika sakit.
Kita perlulah prihatin untuk membantu rakan/sahabat yang ditimpa bencana/masalah. Danel prihatin dan bersimpati apabila dia mengetahui Lili diculik oleh anak Che Jah, Rafik dan Haziq. Dia telah memberanikan dirinya menyelamatkan Lili yang disembunyikan di dalam pondok usang di hujung kampung pada waktu malam.	Kita perlulah prihatin untuk membantu rakan/sahabat yang ditimpa bencana/masalah. Siti Wangi dan Kavita merupakan rakan sekolah yang sering membantu Dahlia. Mereka sanggup datang ke rumah Dahlia untuk meminjamkan nota-nota kepadanya kerana peperiksaan STPM semakin hampir.

***[terima jawapan lain yang relevan]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT